

## EC725 Cougar Keluaran Eurocopter menggantikan Nuri (Sikorsky S61-A4 Sea Kings)

### Spesifikasi:

- Diameter kipas utama - 16.2 meter
- Diameter kipas ekor - 3.15 meter
- Kepanjangannya keseluruhan bersama kipas pengubah haluan - 19.5 meter



### Sistem Persenjataan EC 725:

- Mampu membawa persenjataan tembakan sisi seperti dua 7.62mm mesingan pelbagai guna dan

sebuah meriam 20mm. Helikopter juga boleh dipasang dua pelancar roket 68mm atau dua meriam 20mm.

- Sistem elektronik peperangan helikopter termasuk sebuah radar penerima amaran, penerima amaran laser dan pemberi amaran pelancaran misil.

# TUDM beli 10 helikopter

B.H 14/10/08 M1517

Eurocopter jadi pilihan ganti Nuri

**S**UNGAI PETANI: Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan membeli kumpulan pertama lapan hingga 10 helikopter keluaran Eurocopter EC725 bagi menggantikan pesawat Nuri secara berperingkat, kata Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Abdul Aziz Zainal.

Katanya, secara keseluruhan TUDM memerlukan 27 unit helikopter baru bagi menggantikan pesawat Nuri yang digunakan pasukan itu sejak 1969.

"Model EC725 memiliki ciri diperlukan untuk operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) serta utiliti," katanya selepas melancarkan Eksesais Bersama Lima Negara 2008 membabitkan tentera lima negara iaitu Malaysia, Singapura, New Zealand, United Kingdom dan Australia di bawah program Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA) di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Angkatan Tentera Singapura, Lt-Jen Desmond Kuek dan wakil Ketua Angkatan Tentera United Kingdom, Australia dan New Zealand.

Model EC725 memiliki dua enjin dan digunakan bagi penerbangan jauh serta taktikal yang mampu membawa 29 anggota dengan dua juruterbang bagi kegunaan pengangkutan serta tugas menyelamatkan dalam perang.

Abdul Aziz berkata, keputusan pembelian pesawat baru itu dilakukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi pelaksanaannya mungkin pada masa lain bergantung kepada kewangan kerajaan.

Beliau berkata, walaupun



**“**Kita akan beli lapan atau 10 pesawat baru tetapi pada masa sama terus menggunakan Nuri kerana jangka hayatnya boleh bertahan antara 10 hingga 15 tahun lagi”

**Abdul Aziz Zainal**  
Panglima Angkatan Tentera

TUDM menerima pesawat Eurocopter baru itu, khidmat Nuri tidak dihentikan serta-merta kerana masih selamat beroperasi.

Pada 26 September lalu, Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengumumkan Kementerian Pertahanan bersetuju menggunakan helikopter keluaran Eurocopter bagi menggantikan Nuri.

Abdullah berkata, kementerian sedang memperhalusi terma dan perjanjian sebelum ditanandatangani secara rasmi dengan syarikat pembekal.